

4.1 KONSEP PENGELUARAN, KOS DAN HASIL

1. Pernyataan yang manakah **betul** tentang pengeluaran ?

- A Fungsi pengeluaran jangka pendek merujuk kepada hubungan input tetap dengan output dalam proses pengeluaran
- B Firma berupaya menyesuaikan tingkat keluaran mengikut kehendak pasaran dalam jangka masa pendek
- C Input berubah mempunyai hubungan yang negatif dengan tingkat output
- D Input tetap boleh menjadi input berubah dalam jangka masa Panjang

2. Antara berikut, yang manakah dapat dilakukan oleh sebuah firma pembuatan perabot kayu dalam jangka masa pendek?

- I Menambah saiz kilang
- II Menambah masa bekerja pekerja
- III Menambah jumlah stok kayu getah
- IV Menambah mesin pemotongan kayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3. Gambar 1 merupakan contoh input yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah betul tentang input tersebut?

- A Berubah mengikut perubahan keluaran
- B Wujud walaupun operasi belum bermula
- C Kos tetap adalah bayaran atas penggunaan
- D Sukar ditambah dalam jangka masa pendek

4. Pernyataan manakah yang menerangkan fungsi pengeluaran jangka pendek?
- A. Input tetap tidak berubah walaupun output bertambah
 - B. Input tetap berubah secara langsung dengan penambahan output
 - C. Input tetap dengan input berubah tidak digunakan pada output sifar
 - D. Input tetap dan input berubah akan ditambah untuk meningkatkan output
5. Gambar di bawah merupakan sejenis input yang digunakan dalam proses pengeluaran suatu barang.



Mesin pengadun industri

- Pernyataan yang manakah betul berkaitan gambar di atas?
- A. Wujud dalam jangka masa panjang sahaja
 - B. Ada pada tingkat pengeluaran adalah sifar
 - C. Kuantiti input berkadar langsung dengan keluaran
 - D. Pembayaran ke atas input merupakan kos berubah.
6. Antara yang berikut, manakah yang benar tentang firma?
- I Berbeza dari segi saiz dan modal
 - II Terdapat firma swasta dan firma awam
 - III Firma membekalkan faktor pengeluaran
 - IV Firma awam mementingkan keuntungan yang maksimum
- A I dan II
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D I dan IV
7. Puan Suri memerlukan tepung, mesin penguli, dan pekerja untuk membuat roti. Apakah input berubah yang terlibat dalam proses tersebut?
- A Tepung, mesin penguli, dan pekerja
 - B Tepung dan mesin penguli
 - C Tepung dan pekerja
 - D Mesin penguli

8. Pernyataan manakah yang betul tentang fungsi pengeluaran?

- A input tetap bermula pada pengeluaran sifar
- B gabungan output yang cekap untuk mengeluarkan input
- C Kombinasi input tetap dan input berubah dalam jangka panjang
- D penambahan input tetap akan meningkatkan pengeluaran jangka pendek

9. Pilih pasangan kos tetap dan kos berubah yang tepat bagi sebuah Syarikat Peneraju Perumahan.

	Kos Berubah	Kos Tetap
A	Susut nilai kereta	Pembelian simen
B	Gaji penyelia projek	Minyak petrol lori
C	Upah buruh kasar	Sewa Pejabat
D	Faedah pinjaman bank	Bil Elektrik

10. Pasangan yang manakah betul tentang jenis input berikut?

	Jenis input	Keterangan
A	Input tetap	Penggunaan input wujud apabila pengeluaran bermula
B	Input tetap	Berhubung secara langsung dengan tingkat output
C	Input berubah	Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang
D	Input berubah	Contoh input ialah tapak kilang

11. Pernyataan yang manakah betul tentang input berubah?

- A Berhubung secara langsung dengan bilangan input tetap
- B Wujud walaupun operasi pengeluaran belum bermula
- C Kuantiti penggunaan dipengaruhi oleh jumlah output
- D Tapak bangunan kilang merupakan contoh input

12. Jadual 3 berkaitan dengan fungsi pengeluaran sebuah firma.

Input Berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)
2	6
4	15
7	40
9	X

Jadual 3

Berapakah keluaran marginal firma bagi input berubah ke- 9, jika keluaran X bertambah 35%?

- A 4.5
B 6.0
C 7.0
D 8.33
13. Jadual 1 menunjukkan pengeluaran suatu barang.

Jumlah Keluaran (unit)	Kos purata (RM)
5	20
10	15

Jika kos tetap ialah RM70, berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 10 unit?

- A RM 200
B RM150
C RM80
D RM50

- 14.

Kos Tetap	RM 50.00
Kos Berubah	RM 30.00
Kos Purata	RM 2.00

Berapakah unit jumlah keluaran bagi syarikat tersebut?

- A 40 unit
B 60 unit
C 80 unit
D 100 unit

15. Jadual di bawah menunjukkan kos yang ditanggung oleh Firma Hafeez.

Jumlah output (unit)	Kos Tetap (unit)	Kos Berubah (unit)
5	10	20
10	10	40
15	10	55
20	10	65

Berapakah kos purata apabila jumlah output ialah 15 ?

- A 2.0
B 3.0
C 3.7
D 4.3
16. Jadual 6 menunjukkan output dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Output (unit)	Jumlah Kos (RM)
10	630
15	680
20	740

Jadual 6

Berapakah kos marginal bagi keluaran ke-15?

- A RM10.00
B RM12.00
C RM45.33
D RM52.40
17. Jadual 3 menunjukkan jumlah keluaran dan jumlah kos bagi firma Ossim Berhad.

Jumlah keluaran (unit)	40	43
Jumlah kos (RM)	8 000	8 400

Jadual 3

Berapakah kos sut pada keluaran ke 43?

- A. RM 133.33
B. RM 186.04
C. RM 195.34
D. RM 200.00
18. Jadual 4 menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Jumlah Keluaran (unit)	Kos Berubah (RM)
2	21
3	25
4	30

Jadual 4

Berapakah jumlah kos pada keluaran ke-4 unit, jika kos tetap firma ialah RM30.

- A 15
B 30
C 55
D 60

19. Jadual 1 menunjukkan output dan jumlah kos bagi sesuatu barang.

Output (unit)	Jumlah kos (RM)
0	20
5	42
7	60

Jadual 1

Berapakah kos marginal pada output ke 7?

- A RM 9
 - B RM 15
 - C RM 18
 - D RM 22
20. Jadual 2 menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)
0	120
4	320
10	800

Jadual 2

Hitung kos purata untuk unit output ke-12, jika kos berubah firma ialah RM780.

- A RM55
 - B RM65
 - C RM75
 - D RM85
21. Jadual 3 menunjukkan hubungan antara input dengan jumlah keluaran suatu barang

Input tetap (unit)	Input berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)
2	2	6
2	4	24
2	6	46
2	9	70

Jadual 3

Penyataan manakah betul tentang jadual di atas

- A Keluaran marginal semakin meningkat
- B Firma beroperasi dalam jangka panjang
- C Keluaran marginal menurun selepas input berubah yang ke -6
- D Keluaran marginal adalah sebanyak 24 unit pada input berubah ke – 9

22. Jadual di bawah adalah berkaitan dengan kos pengeluaran sesuatu barang.

Keluaran (unit)	Kos Berubah (RM)
20	220
40	220
60	340
80	520

Sekiranya kos tetap ialah RM 180, tingkat keluaran yang manakah mempunyai kos purata paling minimum?

- A. 20 unit
 - B. 40 unit
 - C. 60 unit
 - D. 80 unit
23. Jadual 3 menunjukkan hubungan antara jumlah output dengan kos.

Jumlah output (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)
1	200	30
2	200	60
3	200	90

Jadual 3

Berapakah kos purata pada output ke-2?

- A RM130
 - B RM200
 - C RM260
 - D RM290
24. Jadual 2 menunjukkan output, kos purata dan kos tetap sebuah firma.

Output (unit)	Kos purata (RM)
100	50
300	30

Jadual 4

Jika kos tetap ialah RM1 000, berapakah kos berubah pada output ke 300.

- A RM5 000
- B RM8 000
- C RM9 000
- D RM10 000

25. Jadual 5 menunjukkan keluaran, kos berubah dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos berubah (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	0	100
1	50	150
2	100	200

Jadual 5

Berapakah kos tetap firma tersebut?

- A RM 50
 - B RM 100
 - C RM 150
 - D RM 200
26. Jadual 6 berkaitan dengan kos pengeluaran barang X.

Output (unit)	Kos Berubah (RM)	Kos Tetap (RM)
1	12	15
2	20	15
3	35	15
4	52	15

Jadual 6

Pada tingkat output berapakah kos purata paling minimum?

- A 1 unit
 - B 2 unit
 - C 3 unit
 - D 4 unit
27. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos dan jumlah keluaran bagi sebuah firma.

■ Kos berubah	RM60
■ Kos purata	RM4
■ Jumlah keluaran	25 unit

Berapakah kos tetap bagi firma tersebut?

- A RM15
- B RM40
- C RM64
- D RM100

28. Jadual 4 menunjukkan jumlah keluaran dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Jumlah keluaran (unit)	100	180
Jumlah kos (RM)	5 000	5 600

Jadual 4

Berapakah kos sut pada keluaran ke-180?

- A RM3.33
 - B RM4.39
 - C RM6.00
 - D RM7.50
29. Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran buku firma X.

Kos Tetap	=	RM50.00
Kos Berubah	=	RM30.00
Kos Purata	=	RM2.00

Berapakah jumlah keluaran firma tersebut?

- A 30 unit
 - B 40 unit
 - C 50 unit
 - D 80 unit
30. Jadual berikut menunjukkan pengeluaran barang S.

Jumlah Keluaran (unit)	Kos Purata (RM)
50	20
100	15

Berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 100 unit jika kos tetap ialah RM400?

- A RM1 000
- B RM1 100
- C RM1 400
- D RM1 500

4.2 PRODUKTIVITI DAN EKSTERNALITI

31. Antara berikut, faktor manakah yang boleh meningkatkan produktiviti

- A menambahkan kos pengeluaran
- B menggunakan buruh sedia ada
- C menggunakan teknologi yang canggih
- D memanjangkan tempoh pengeluaran

32. Antara berikut, faktor yang manakah meningkatkan produktiviti sebuah organisasi.

- I Persekitaran kerja yang terbatas
- II Proses membuat keputusan terbatas
- III Pekerja yang mahir dan berkebolehan
- IV Prosedur kerja yang ringkas dan fleksibel

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

33. Antara berikut, faktor yang manakah akan meningkatkan produktiviti?

- I Proses membuat keputusan yang rumit
- II Prosedur kerja yang ringkas dan fleksibel
- III Tenaga kerja yang mahir dan berkebolehan
- IV Persekitaran kerja yang sempit dan berbahaya

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

34. Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor mempengaruhi produktiviti sebuah organisasi?

- I Tenaga manusia
- II Persekitaran kerja
- III Kepuasan pengguna
- IV Tingkat agihan pendapatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35. Antara yang berikut, faktor yang manakah akan meningkatkan produktiviti sebuah organisasi?
- I Prosedur kerja yang fleksibel dan ringkas
 - II Proses membuat keputusan yang rumit
 - III Persekitaran kerja yang sempit dan berbahaya
 - IV Tenaga pekerja yang mahir dan berkebolehan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
36. Bagaimanakah struktur organisasi dapat meningkatkan produktiviti?
- A Prosedur kerja yang ringkas dan mudah
 - B Setiap unit menjalankan tugas masing-masing
 - C Majikan yang sentiasa memotivasikan pekerjaanya
 - D Tenaga manusia ditempatkan di posisi kerja yang sesuai dengan kemahirannya
37. Faktor manakah yang mempengaruhi produktiviti?
- I Struktur organisasi
 - II Kepuasan pengguna
 - III Sistem dan prosedur
 - IV Tingkat agihan
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
38. Syarikat Aman Jaya telah membeli sebidang tanah berhampiran sebuah kampung untuk menempatkan 20 buah lori. Apakah kos sosial yang terlibat?
- A Kesyakan aliran lalu lintas di kampung tersebut
 - B Kenaikan harga tanah di Kawasan sekitar
 - C Pertambahan gaji pengawal keselamatan
 - D Belanja operasi syarikat meningkat
39. Situasi yang manakah merujuk kepada kos sosial?
- A Syarikat Alaf Daya Sdn. Bhd. mengutamakan buruh asing berbanding buruh tempatan kesan daripada pelaksanaan dasar upah minimum
 - B Penjual pakaian terpakai menanggung kos import yang tinggi kesan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia
 - C Firma Azalia terpaksa membuat pembelian bahan mentah yang lebih mahal kesan daripada pandemik COVID-19
 - D Nelayan air tawar di Kg. Fajar mengalami kerugian kesan daripada pencemaran sungai

40. Setiap hari Hakimi, 30 tahun akan berbasikal ke tempat kerja. Tepat pada pukul 6 pagi, dia akan mengayuh sejauh 7 kilometer dari rumahnya di Sentul ke pejabatnya di ibu kota.

Apakah faedah sosial yang terlibat?

- A Kemusnahan alam flora
 - B Perbelanjaan harian menurun
 - C Kadar kesesakan lalu lintas tinggi
 - D Kos pengangkutan yang meningkat
41. Antara berikut, yang manakah merujuk kepada kos sosial?

- A Kos peribadi tambah kos luaran.
- B Kos peribadi tolak faedah peribadi.
- C Faedah luaran tolak faedah peribadi
- D Faedah peribadi tambah faedah luaran

42. Maklumat di bawah berkaitan satu projek yang dilakukan oleh Kerajaan

Projek naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa, Kelantan.

Apakah faedah sosial yang diperoleh dari projek di atas?

- A. Menjimatkan masa pengguna yang berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Kelantan
 - B. Menjalankan perniagaan dalam pusat perniagaan di kawasan projek
 - C. Mewujudkan bandar baharu di sekitar kawasan projek yang dijalankan
 - D. Meningkatkan persaingan perkhidmatan antara syarikat penerbangan domestik
43. Pernyataan yang manakah menunjukkan kos sosial?
- A Kos yang terpaksa dilepaskan akibat masalah kekurangan
 - B Contoh kos sosial ialah peningkatan tahap pendidikan masyarakat
 - C Kos yang sepatutnya dibayar tetapi tidak diambil kira dalam kos pengeluaran
 - D Kos kepada pihak ketiga yang tidak dimasukkan dalam penentuan harga pasaran
44. Apakah faedah sosial yang akan timbul apabila projek laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah siap dilaksanakan dan dibuka untuk kegunaan masyarakat?

- A Penebangan hutan meningkat
- B Nilai hartanah setempat meningkat
- C Kos pengangkutan akan lebih tinggi
- D Kadar pencemaran bunyi yang tinggi

45. Gambar 2 menunjukkan projek pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).



Gambar 2

Apakah faedah sosial daripada projek tersebut?

- A Meningkatkan hasil kerajaan negeri daripada aktiviti pelancongan tempatan
- B Pekerja binaan mendapat gaji lumayan melalui kerja lebih masa
- C Kontraktor utama memperoleh keuntungan yang lebih tinggi
- D Mengurangkan kesesakan jalan raya pada musim perayaan

46. Maklumat berikut berkaitan situasi sistem pengangkutan di Lembah Klang.

Kesesakan jalan raya: Penduduk Lembah Klang bazir 500 jam setahun
Kuala Lumpur: Setiap penduduk Lembah Klang menghabiskan masa purata lebih 500 jam setahun atas kenderaan dengan anggaran kos lebih RM3 696.

Sumber: Harian Metro, 19 Mac 2023

Apakah kos sosial yang ditanggung kesan daripada situasi di atas?

- A Kos sara hidup pemilik kenderaan meningkat
- B Perbelanjaan untuk kawalan lalu lintas meningkat
- C Masa yang lama diambil untuk balik ke rumah selepas bekerja
- D Tekanan emosi penduduk sekitar apabila memandu di waktu puncak

47. Apakah faedah sosial apabila seseorang individu berkongsi kenderaan ke tempat kerja?

- A Menjimatkan masa
- B Kos pengangkutan rendah
- C Mengelakkan kesesakan lalu lintas
- D Kadar pencemaran udara yang lebih rendah